

# PIBG perlu bendung jenayah pelajar

S.H 26/2/09 MLO 8

**KUALA LUMPUR** - Tahap disiplin di sesebuah sekolah perlu dikaji semula kerana masih banyak ruang dan kelemahan yang perlu diperbaiki, kata Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) Tan Sri Lee Lam Thye.

Beliau berkata pengetua dan guru besar perlu lebih serius mengkaji semula aspek disiplin sekolah masing-masing untuk mengenal pasti kaedah dan cara untuk meningkatkannya.

"Pengetua perlu melihat sejauh mana tahap disiplin di sekolah mereka kerana kita tidak mahu keadaan menjadi bertambah serius," katanya ketika dihubungi Bernama di sini semalam.

Beliau mengulas mengenai kejadian pukul dan belasah dalam kalangan pelajar samseng yang dilihat semakin meningkat akhir-akhir ini.

Terbaru, kejadian yang amat menyayat hati menimpa seorang pelajar Tingkatan Empat, Mohd Azlin Mohamad, 16, apabila dibelasah sekumpulan 24 remaja samseng di Cheras sehingga mati.

Kejadian pada 13 Feb lepas dikatakan berlaku hanya disebabkan perkara amat remeh, iaitu perebutan teman wanita.

Lam Thye berkata mutu guru disiplin juga perlu dipertingkatkan bagi memberi kesedaran kepada pelajarinya.

"Kaunseling perlu ditingkatkan, guru kaunseling berpeperanan dalam memberi kesedaran bahawa setiap pelajar yang terlibat dalam jenayah tidak terlepas daripada undang-undang walaupun berumur bawah 18 tahun," katanya.

Pihak sekolah juga perlu menghubungi pegawai polis yang dilantik sebagai pegawai


perhubungan di sekolah bagi memberi nasihat dan teguran kepada pelajar bermasalah.

Katanya, ibu bapa perlu sentiasa bekerjasama dengan pihak sekolah untuk mengetahui perkembangan anak mereka.

"MCPF juga mewujudkan kelab pencegahan jenayah di sekolah, lepas ini perlu melibatkan aktiviti lebih aktif," katanya.

Bagi Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman Datuk Bakri Zinin, orang yang paling tepat membincangkan permasalahan jenayah dalam kalangan anak atau pelajar adalah ibu bapa dan guru.

"Walaupun tugas polis menjaga keselamatan dan membanteras jenayah, namun apabila bercakap mengenai jenayah pelajar, orang paling tepat untuk mengenal pasti berlakunya perkara itu adalah ibu bapa dan guru itu sendiri," katanya.



## TERBARU

Kakitangan Yayasan Taqwa Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Herni Hussein, 27, menunjukkan naskah tafsir Al-Quran dalam bahasa Inggeris selepas Majlis Pelancaran dan Edaran Tafsir Al-Quran dalam bahasa Inggeris kepada hotel di Kuala Lumpur di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

fotoBERNAMA